



18 MAY, 2023

## Berjaya Rail ceburi projek kereta api kelajuan tinggi

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2



### Berjaya Rail ceburi projek kereta api kelajuan tinggi

**PETALING JAYA:** Berjaya Land Berhad (BLand) memperkenalkan Berjaya Rail Sdn. Bhd. (Berjaya Rail), sekali gus menandakan hasratnya untuk menceburi perniagaan rel, khususnya dalam projek Kereta api Berkelajuan Tinggi.

Menurut kenyataannya, BLand pada mulanya akan terlibat dalam latihan Permintaan Maklumat, yang dikendalikan oleh MyHSR Corporation Sdn. Bhd, di bawah Kementerian Kewangan.

Melalui usaha sama ini, Berjaya Rail akan menjalankan perniagaan yang melibatkan pembinaan kereta api dan kereta api bawah tanah, reka bentuk, pembekalan dan pemasangan sistem kereta api dan pembangunan harta tanah berorientasikan transit.

Syarikat juga akan menyediakan perkhidmatan perundingan dan latihan untuk penyelesaian teknikal yang berkaitan.

Berjaya Rail telah melantik Farizul Baharom sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutifnya.

Beliau mempunyai pengalaman daripada pelbagai jawatan yang disandang sebagai Penasihat Khas Menteri Penangkutan, Ketua Pejabat Pengurusan Projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) di Prasarana Malaysia Berhad.



18 MAY, 2023

## Berjaya Rail ceburi projek kereta api kelajuan tinggi

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

PETALING JAYA: Berjaya Land Berhad (BLand) memperkenalkan Berjaya Rail Sdn. Bhd. (Berjaya Rail), sekali gus menandakan hasratnya untuk menceburi perniagaan rel, khususnya dalam projek Kereta api Berkelaian Tinggi. Menurut kenyataannya, BLand pada mulanya akan terlibat dalam latihan Permintaan Maklumat, yang dikendalikan oleh MyHSR Corporation Sdn. Bhd, di bawah Kementerian Kewangan.